

PM akui jumpa pembangkang



Dr Mahathir (tengah) mempengerusikan pembukaan Persidangan Meja Bulat Bersama Komuniti Dewan Perniagaan Antarabangsa di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

Pemimpin itu terdiri daripada UMNO, Pas dan Gabungan Parti Sarawak

NINA FARZUIN MD SHAROM

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui telah bertemu dengan beberapa pemimpin pembangkang pada Selasa lalu.

Menurutnya, pemimpin tersebut terdiri daripada parti UMNO, Pas dan Gabungan Parti Sarawak (GPS).

"Pertemuan itu memang berlaku tetapi saya akan berjumpa semua pihak, bukan hanya daripada pemimpin politik pembangkang. Kalau badan bukan kerajaan (NGO) pun saya akan berjumpa.

"Mereka (pemimpin pembangkang) datang daripada pelbagai parti. Saya terima untuk berjumpa dan saya dengar apa yang mereka mahu kata.

"Apabila mereka luahkan sokongan kepada saya, saya berterima kasih," katanya pada sidang akhbar

Persidangan Meja Bulat Bersama Komuniti Dewan Perniagaan Antarabangsa, anjuran Talent Corp di sini semalam.

Terdahulu media tempatan melaporkan terdapat sumber mengatakan sekumpulan pemimpin pembangkang telah mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir pada malam Selasa lalu untuk memberi sokongan agar beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal.

Mengulas mengenai sokongan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang terhadap beliau dalam isu sama, Dr Mahathir menyifatkan ia bukan perkara baharu.

Sementara itu, Dr Mahathir menyifatkan sokongan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali agar beliau perlu diberi peluang memimpin kerajaan hingga ke akhir penggal hanya pendapat peribadi pemimpin berkeajaan.

Menurutnya, beliau masih memegang pada janji untuk menyerahkan jawatannya seperti yang telah ditetapkan sebelum ini.

"Ia mungkin mengambil masa dua tahun, mungkin tiga tahun, saya tidak tahu, tetapi kita sedang mengusahakannya."

"Lainlah kalau mereka letakkan senjata di kepala saya," katanya.

Khamis lalu, Mohamed Azmin membuat kenyataan bahawa Dr Mahathir perlu diberi peluang memimpin hingga ke akhir penggal bagi menjamin kestabilan, kesinambungan dan ketuntasan dasar kerajaan.

Beliau berkata demikian bagi mengalu-alukan kenyataan Abdul Hadi yang menegaskan pendirian parti itu dan UMNO menyokong Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal.